

Nakasone sanjung Malaysia

501 - 3 MAY 1983

PERDANA Menteri Jepun, Encik Yasuhiro Nakasone, hari ini mensifatkan negara ini sebagai sebuah negara yang luar biasa kerana dapat mencapai pembangunan yang stabil dan kukuh, walaupun dalam keadaan seluruh dunia menghadapi kemelesetan.

Beliau memberi sanjungan dan penghormatan kepada kerajaan Malaysia kerana kepemimpinan politik dan ekonominya dalam perspektif jangka panjang yang membawa kepada kemajuan rakyat dan negara ini.

"Pengurusan bijak kerajaan Malaysia dan usaha-usaha gigih rakyat negara ini mendapat sanjungan tinggi daripada saya," katanya dalam ucapan balas di majlis jamuan negara yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di bangunan Parlimen, malam ini.

Encik Nakasone berkata,

KUALA LUMPUR, Ahad

langkah Datuk Seri Dr Mahathir mewujudkan kerajaan cekap, bersih dan beramanah dengan mengetuai sendiri prinsip-prinsip kepemimpinan melalui teladan sekarang, terkenal di Jepun.

"Saya sangat tertarik bila melihat sendiri projek-projek pembangunan negara yang sedang dan telah siap dilaksanakan," ujarnya.

Perdana Menteri itu menyatakan, Jepun merasa bernasib baik kerana menjadi rakan dagangan Malaysia dan sebagai pelabur asing yang terbesar di negara ini.

Menurutnya, hubungan kerjasama antara kedua-dua negara telah meningkat bukan saja dari segi pertukaran bahan tetapi juga di bidang pertukaran pegawai di bawah Dasar Pandang ke Timur.

Lebih lanjut

Beliau berkata, rancangan itu memberi faedah kepada Jepun dengan menyedarkan minat rakyat Jepun terhadap Malaysia dan meningkatkan rasa bertanggungjawab kepada masyarakat antarabangsa.

"Adalah menjadi harapan saya pertukaran pegawai itu akan mendorong rakyat Jepun mempelajari lebih lanjut mengenai Malaysia dan seterusnya mengukuhkan perpaduan antara rakyat kedua-dua negara," katanya.

Encik Nakasone juga memberi jaminan akan terus berusaha me-

ningkatkan perpaduan antara Jepun dengan Malaysia dan lain-lain negara Asean.

Ketibaan Encik Yasuhiro dan isterinya, Puan Tsutako, diberi sambutan permaidani merah di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Hujan renyai-renyai tidak menjejaskan upacara sambutan rasmi selama 15 minit di medan bangunan Parlimen.

Ketibaan Encik Nakasone di bangunan Parlimen disambut oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Musa Hitam dan isterinya Datin Maria.

Mereka kemudian menaiki pentas khas. Encik Nakasone dan Datuk Seri Dr Mahathir menerima tabik hormat sambil diiringi oleh lagu kebangsaan kedua-dua negara.

Perdana Menteri kemudian mengiringi Encik Nakasone memeriksa barisan kehormatan oleh 55 orang pegawai dan anggota Batalion ke-11 Rajimen Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Mejar Saad Suhaimi Ariffin.

Selepas itu, Perdana Menteri Jepun dan Puan Tsutako diperkenalkan kepada barisan kenamaan yang diketuai oleh Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan dan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Zahir Ismail, Menteri-Menteri Kabinet dan ketua perwakilan asing.

Sekumpulan masyarakat Jepun di negara ini turut mengalu-alukan ketibaan pemimpin mereka.

Encik Nakasone kemudian menaiki kereta bersama-sama Datuk Seri Dr Mahathir ke tempat pengi-

napan.

Puan Tsutako diiringi oleh Datin Maria kerana isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, keuzuran.

Terdahulu dari itu, ketibaan Encik Nakasone dan rombongan dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang disambut oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, dan Menteri Pengiring, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Malam ini, Perdana Menteri meraikan tetamu negara itu di jamuan malam di bangunan Parlimen.

Aturcara Encik Nakasone bermula pagi esok dengan upacara meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara, diikuti dengan upacara mengadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara.

Selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Nakasone akan mengadakan perbincangan dua jam, diikuti jamuan tengah hari yang diberikan oleh Perdana Menteri Jepun itu.